

CULTURAL AWARENESS EXPEDITION TO MALAYSIA

Delegasi Switzerland dengan Nilai Budaya Warisan dan Gaya Hidup Malaysia bersama Warga KUKUM

Warga KUKUM sangat berbesar hati dan berbangga dengan kunjungan delegasi "Inter-Community School", Zurich (ICSZ) ke bumi Malaysia bermula 20 April hingga 4 Mei 2006 yang lalu. Apatah lagi, kepercayaan telah diberikan sepenuhnya kepada KUKUM sebagai pengaruh utama program yang diinspirasikan oleh DYMM Tuanku Canselor tersebut. Selama hampir 2 minggu delegasi bermukim di negeri Perlis, Pulau Pinang, Bandaraya Kuala Lumpur dan Putrajaya. Pelbagai program dan aktiviti telah dirancang dan telah dijalankan dengan jayanya bertepatan dengan tema kunjungan tersebut iaitu "Cultural Awareness Expedition to Malaysia". Penerapan nilai budaya dan gaya hidup ala keMalaysiaan diberikan fokus utama dalam setiap program dan aktiviti yang dianjurkan selaras dengan objektif kunjungan tetamu diraja tersebut.

Ketibaan delegasi pada 20 April 2006 disambut penuh keceriaan dan kemeriahannya dengan kalungan bunga yang berwarna-warni di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Star. Walaupun hampir seharian perjalanan merentasi benua ke bumi Malaysia, namun kemesraan yang ditunjukkan oleh warga KUKUM melahirkan rasa kegembiraan delegasi walaupun kepenatan dek perjalanan yang jauh dan masa yang panjang. Apatah lagi DYTM Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah turut bersama-sama mencemar duli menyambut ketibaan delegasi. Majlis Perasmian program ini telah diadakan di Hotel Putra, Kangar pada malam tersebut dan majlis ini telah disempurnakan oleh DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamallulail, Canselor KUKUM dengan acara yang penuh gilang gemilang disamping persembahan daripada Unit Kebudayaan KUKUM. Delegasi bersama-sama keluarga angkat masing-masing turut diperkenalkan pada malam tersebut.

Antara program dan aktiviti yang telah dianjurkan di negeri Perlis ialah "Adventure Race", Lawatan Kampus KUKUM, "Foster Family Program", Makan Malam anjuran Istana Arau, Sukan dan Rekreasi Air di Timah Tasoh, Permainan Paint Ball, Menonton Perlawanan Bola Sepak Piala AFC dimana pasukan Perlis bertemu Hong Kong, Senamrobiik dan Poco-poco bersama warga KUKUM, KUKUM Art & Cultural Night dan acara kemuncak makan malam perpisahan ala BBQ di rumah tetamu KUKUM. Di samping itu, aktiviti Khidmat Masyarakat bersama-sama pelajar Sek. Men. Sains Tuanku Syed Putra, warga tua Rumah Seri Kenangan, anak-anak Rumah Anak Yatim Yayasan Saad dan warga perlis dengan aktiviti jualan di gerai pasar malam di tapak pasar malam Stadium Perlis.

Sesuatu yang sukar bagi delegasi apabila bangun bersarapan dan mengikuti program yang telah dijadualkan seawal pagi. Namun begitu, dengan semangat yang jitu delegasi, setiap program dijayakan dengan penuh keceriaan dan bertentangan. Semangat bekerjasama dan perhubungan erat yang terjalin antara delegasi dan warga KUKUM dalam pertandingan "Adventure Race" merupakan saat yang paling indah para peserta. Apatah lagi, delegasi terpaksa menamatkan pertandingan dalam keadaan iklim yang agak panas berbeza dengan iklim negara asal merupakan pengalaman yang tidak dapat dilupakan. Program keluarga angkat, "Foster Family Program" memberikan pengalaman yang manis buat delegasi dan serba sedikit menghilangkan rasa rindu delegasi kepada keluarga masing-masing. Tinggal bersama keluarga angkat memberikan

pengalaman dan pendedahan cara gaya hidup dan budaya masyarakat Malaysia seperti makanan tradisional, buah-buahan tempatan dan sebagainya. Tambahan lagi, keluarga angkat masing-masing sudi menghadiahkan sepasang baju kurung dan baju melayu atau batik kepada delegasi sebagai cenderahati. Manis dan tampa sekali apabila delegasi mengenakan baju kebangsaan tersebut. Aktiviti sukan dan rekreasi air di Timah Tasoh iaitu permainan jet ski dan berkayak merupakan aktiviti yang paling digemari oleh delegasi. Emosi para delegasi pula tersentuh dalam program khidmat masyarakat bersama warga tua apabila ada yang menitiskan air mata mengenangkan nasib orang-orang tua di rumah seri kenangan tersebut. Kesungguhan pula ditunjukkan oleh delegasi dalam aktiviti jualan di pasar malam di mana mereka terpaksa menghabiskan jualan masing-masing. Di samping itu, berklatihan yang telah dianjurkan delegasi turut berjaya menghayati dan menarik tarian poco-poco yang merupakan budaya warga Perlis. Melalui program-program yang telah dianjurkan juga, delegasi diperkenalkan dengan tempat-tempat menarik pelancongan di sekitar negeri Perlis, budaya dan aktiviti masyarakat setempat.

Pada 9 April 2006, program delegasi diteruskan di negeri Pulau Pinang. Antara program yang telah diadakan ialah Interaksi dan persembahan "powerpoint" bersama "Penang International School", aktiviti pantai seperti bola tumpar pantai dan lawatan di sekitar negeri Pulau Pinang antaranya pasar malam Batu Feringgi dan Kompleks Membeli Belah Plaza Gurney.

Setelah dua hari di negeri Pulau Pinang, perjalanan dengan bas diteruskan ke Kuala Lumpur iaitu merupakan pusat kemodenan dan kota kosmopolitan Malaysia. Delegasi telah dibawa melawat ke pelbagai tempat yang merupakan tarikan utama di sekitar Kuala Lumpur. Antaranya ialah KLCC, Menara Kuala Lumpur, Muzium Negara, Pasar Seni, Bintang Walk, Kompleks Membeli Belah Sunway Pyramid dan Batu Caves.

Delegasi juga berkesempatan melawat Putrajaya yang merupakan pusat pentadbiran dan bandar terancang yang tercanggih di Malaysia. Delegasi amat mengagumi seni rekabentuk bangunan dan kekuuhan binaan bangunan di sekitar bandar Putrajaya terutama Masjid Putra. Di samping itu, delegasi turut dibawa menaiki feri mengelilingi tasik Putrajaya. Putrajaya merupakan destinasi terakhir delegasi sebelum ke KLIA untuk berangkat pulang ke Zurich, Switzerland. Rektor KUKUM, Lt. Kol. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkesempatan bertemu dan menyampaikan ucapan selamat tinggal sebelum keberangkatan pulang delegasi.

Delegasi meninggalkan Malaysia dengan perasaan berat hati untuk kembali ke kampung halaman masing-masing. Banyak pengalaman manis yang telah diperolehi oleh delegasi selama dua minggu berada di Malaysia. Melalui emel yang dikirimkan oleh ketua delegasi Anita, delegasi amat merindui Malaysia dan ingin kembali jika berkesempatan pada masa akan datang. Mereka amat merindui keramahan rakyat Malaysia, terutama layanan diberikan oleh warga KUKUM, budaya masyarakat Malaysia yang pelbagai bangsa dan keindahan panorama. Tarian poco-poco telah ditarikan di Zurich, Switzerland sempena Festival Antarabangsa di sana. Ternyata pengalaman mereka di Malaysia terutama di negeri Perlis khususnya KUKUM memberikan impak yang berkesan. Tahniah dan syabas buat warga KUKUM!

